



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	15/1/2020	MUKA SURAT	:	63
JABATAN	:	SPAN / SADA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Lebih 2,000 penduduk terputus bekalan air akibat kemarau

Alor Setar: Lebih 2,000 penduduk sekitar Kuala Kedah, di sini, terputus bekalan air akibat musim kemarau yang sedang melanda negeri ini.

Mereka yang terjejas meliputi penduduk di Kampung Tengah, Taman Desarana, Kampung Tepi Laut, Taman Bahtera dan Taman Perumahan Awam.

Penduduk Kampung Tengah, Haslan Bakri, 35, berkata keadaan itu amat menyukarkan aktiviti harian mereka, malah tiga anaknya tidak ke sekolah berikutan tiada bekalan air untuk mandi sejak tiga hari lalu.

"Setiap hari, saya terpaksa membeli air tapis tetapi ia dapat digunakan untuk minum dan ke tandas saja.

"Kami membeli makanan di luar dan mencuci pakaian di kedai dobi di bandar," katanya.

Bapa kepada empat anak itu mendakwa turut menanggung kerugian kerana tidak dapat keluar berniaga ayam goreng yang menjadi sumber pendapatan tetap untuk menyara keluarga.

Seorang lagi penduduk, Hatiah Amin, 59, berkata gangguan bekalan air itu menyebabkan beliau terpaksa mengelap badan saja bagi menyejukkan tubuh berikutan menghidap penyakit darah tinggi.

"Musim panas kali ini agak teruk. Badan saya tidak boleh terlalu panas tetapi hendak mendapatkan air minuman pun susah. Saya terpaksa duduk di dalam rumah saja dan mengharapkan anak untuk pergi mencari air," katanya.

Sementara itu, Susilawati Natin, 44, berkata beliau terpaksa menahan malu pergi ke rumah kawan untuk menumpang mandi dan mendapatkan bekalan air kerana tiada pilihan.



Haslan mengambil bekalan air paip dibekalkan SADA di Kuala Kedah.

[Foto Noorazura Abdul Rahman/BH]